

23 MAY 1996

SATU BULAN UNTUK PENCALONAN ANUGERAH PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Sektor swasta mempunyai sehingga akhir bulan depan untuk mengemukakan pencalonan bagi Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1996, kata Ketua Pengarah Pusat Produktiviti Negara (NPC) Haji Ismail Adam hari ini.

Katanya borang pencalonan boleh didapati dari sekretariat anugerah di Ibupejabat NPC dan perlu dikemukakan sebelum 30 Jun. Semua syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat-syarikat Malaysia layak untuk dipertimbangkan bagi anugerah itu.

Semasa berucap merasmikan Rangkaian Kualiti Kebangsaan di sini, beliau berkata pertubuhan yang ingin dipertimbangkan hendaklah telah membuat sumbangan besar kepada ekonomi negara menerusi aktiviti ekonomi, pendapatan pertukaran wang asing dan mewujudkan banyak peluang pekerjaan.

Katanya penerima anugerah akan menerima trofi, wang tunai RM30,000, sijil penghargaan dan kebenaran menggunakan simbol Q bagi tujuan publisiti dengan menyebut tahun penganugerahan untuk tempoh tiga tahun.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan anugerah itu pada November ini, katanya.

Mengenai rangkaian itu, Ismail berkata ia diwujudkan oleh syarikat-syarikat yang telah menghadiri Kursus-kursus Pengurusan Menyeluruh (TQM) anjuran pusat itu dengan matlamat membincangkan isu-isu berkaitan TQM dan untuk berkongsi maklumat mengenai kualiti dan produktiviti di kalangan anggota.

" NPC bersetuju untuk menjadi sekretariat bagi rangkaian itu," katanya.

-- BERNAMA

AKT AHH